

09 MAY 2003

MSC-IAP

WUJUDKAN MSC DI BAHAGIAN LAIN NEGARA INI, KATA MDC

CYBERJAYA, 9 Mei (Bernama) -- Mesyuarat Panel Panasihat Antarabangsa (IAP) yang dijadualkan di sini pada 4 Sept antara lain akan membincangkan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) di bahagian lain negara ini selain yang terdapat di antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Naib presiden Multimedia Development Corporation (MDC) Kamil Othman berkata, ia menjadi sebahagian daripada pembangunan fasa kedua MSC kerana fasa pertama akan berakhir dengan jayanya.

"Matlamatnya jelas... objektif utama akhirnya ialah menjelang 2020 seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak, akan menjadi MSC," katanya kepada Bernama dalam temubual di sini hari ini.

Fasa kedua antara 2004 dan 2010.

"Anggota IAP akan berpeluang berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rancangan seterusnya, terutama sekali seperti yang kita ketahui perubahan ekonomi global tertentu yang sedang menanti termasuk isu Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Ini mewakili satu siri cabaran lain," kata Kamil, menjelaskan 14 syarikat bersetuju menghadiri mesyuarat IAP itu.

Bercakap mengenai kejayaan fasa pertama MSC, Kamil berkata, kira-kira 850 syarikat telah mencapai status MSC berbanding sasaran 500 buah dan 15 daripadanya syarikat-syarikat bertaraf dunia.

Sementara Fasa pertama menekankan pelaksanaan idea konsep menjadi kenyataan, Fasa kedua menjadikan bahagian lain Malaysia sebagai MSC, katanya.

Kamil berkata, proses menjadikan seluruh negara sebagai MSC tidak dapat dilaksanakan dalam masa singkat.

"Ini sebabnya pembangunan MSC perlu dihubungkan dengan negeri-negeri yang mempunyai prasarana multimedia. Sebagai contoh, seperti yang diketahui setiap negeri di negara ini sudah ada program IT sendiri."

"Ini yang perlukan strategi, setiap negeri sudah sedia dengan prasarana nanti bila wujudkan MSC lain, infrastrukturnya sudah ada."

Beliau melahirkan keyakinan bahawa fasa seterusnya tidak sahaja akan menekankan pembangunan infrastrustur tetapi juga pembangunan seperti tenaga kerja mahir dan kelebihan pemasaran. -- BERNAMA

AZH UHS AHM